

## Keberkesanan Intervensi Membaca Secara Berulang Bersama Rakan Pembaca terhadap Kefasihan Membaca Murid Bermasalah Pembelajaran

Yuzaila binti Yusuf, Mohd Mokhtar bin Tahar, Mohd Hairie bin Mohd Nashoha

National University of Malaysia  
E-mail: yuzailayusuf@gmail.com

**Abstract:** The repeated reading intervention with peers play an important role in enhancing the mastery of the students in reading fluency. This study examines the extent to which the effect of repeating reading intervention programs with peer in improving reading fluency for students with learning disabilities. This study also aims to investigate the effect of implementing repeated reading intervention programs with peers on the reading fluency for student with learning disabilities, seeing the reading fluency when help from peers is eliminated from intervention and identify the challenges and problems faced by peers during this intervention implemented.. The Principles of Social Learning Theory of Bandura and Behaviorism Theory of Thorndike were used in this study along with the model of Automaticity and the Peer Support model. This study is a single subject with multiple design baseline across subjects used to examine the effects of intervention on reading fluency for students with learning disabilities . Three students with learning disabilities from Sekolah Menengah Padas, Rembau were selected as study participants. . The reading texts is provided as an instrument for measuring accuracy and speed which is the main element of reading fluency. During the intervention phase, the study participants are paired with the mainstream students. During the retention phase, repeated reading interventions are still ongoing but without peer help. The results of analysis reveal that repeated reading interventions with peers can enhance the mastery of reading fluency for students with learning disabilities. The findings of this study are expected to assist the Ministry of Education to overcome the problem of reading fluency for students with learning disabilities. In addition, improving achievement and reducing gap between the students with learning disabilities and the mainstream students.

**Keywords:** Repeated reading, reading fluency, student with learning disabilities, peer tutoring

Bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa yang wajib dipelajari oleh semua murid di Malaysia. Keupayaan membaca dan menulis merupakan sebahagian daripada kemahiran berbahasa yang menjadi asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam pelbagai disiplin ilmu di sekolah (Abdul Rasid 2011). Kefasihan pula merupakan salah satu elemen kemahiran membaca yang perlu dikuasai oleh murid. Kefasihan membaca bermaksud keupayaan untuk membaca teks dengan cepat, tepat dan penuh ekspresi (Bos & Vaughn 2002). Penguasaan kefasihan membaca akan dapat membantu murid memahami petikan dengan lebih baik. Menurut Lingo (2014), kefasihan merupakan pautan antara pengekodan perkataan kepada pemahaman. Berdasarkan model *Automaticity*, pembaca yang fasih secara automatik akan memproses maklumat ke dalam bentuk visual dan seterusnya memberi tumpuan kepada maksud perkataan dalam petikan yang dibaca (Samuels 1994). Namun begitu, keadaan sebaliknya berlaku terhadap pembaca yang kurang fasih. Mereka akan mengambil masa yang lama untuk mengiktiraf maklumat secara automatik dan perlu mengingat semula.

Masalah menguasai kemahiran membaca menjadikan murid lemah dan tidak berminat dalam mata pelajaran Bahasa Melayu akibat daripada ketidakcekapan mereka menguasainya. Permasalahan membaca yang ada dalam diri murid adalah seperti

keliru mengecam huruf besar dan huruf kecil semasa membaca, tidak membunyikan perkataan dengan betul dan tepat, tidak dapat menyebut perkataan yang dieja serta sering meninggalkan perkataan yang tidak ketahui makna atau gagal membunyikan. Hal ini menimbulkan pola bacaan yang merangkak-rangkak atau tidak fasih semasa membaca (Abdul Rasid 2011). Murid bermasalah pembelajaran khususnya, mengalami masalah kefasihan membaca dan sering menganggap membaca merupakan satu pengalaman yang mengecewakan serta enggan untuk melaksanakan tugas membaca (Bashir & Hook 2009). Melihat kepada kesukaran ini, intervensi kefasihan membaca sangat penting dalam membantu kejayaan akademik murid bermasalah pembelajaran, terutamanya mata pelajaran Bahasa Melayu.

Membaca secara berulang (*repeated reading*) merupakan program intervensi yang sesuai untuk meningkatkan kefasihan membaca murid (Panel Membaca Kebangsaan Amerika 2000). Membaca secara berulang merupakan satu strategi pengajaran yang meminta murid membaca ayat dengan suara yang lantang sebanyak beberapa kali. Strategi ini cukup mudah, melibatkan amalan dalam kehidupan seharian dan pengulangan (Johns & Lerner 2015). Selain itu, bahan bacaan yang digunakan adalah ringkas, bermakna dan boleh membantu murid dalam mencapai tahap kefasihan yang dikehendaki (Bos & Vaughn 2002).

Intervensi ini boleh digabungkan dengan intervensi yang lain untuk meningkatkan keberkesanan kefasihan membaca. Antara intervensi yang boleh dilaksanakan ialah menggunakan rakan sebaya untuk membantu dan menyokong murid bermasalah pembelajaran semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Salah satu bentuk sokongan kepada murid bermasalah pembelajaran ialah rakan sebaya (Mahaslina 2015).

Pembelajaran rakan sebaya merupakan salah satu komponen yang terdapat dalam Model *Peer Support* yang dibina oleh Cowie dan Wallace (2000) bertujuan untuk menggalakkan kejayaan murid dalam pencapaian akademik di sekolah. Selain itu, pembelajaran rakan sebaya ini juga merupakan salah satu komponen pembelajaran koperatif (Okilwa & Shelby 2010). Strategi ini membawa maksud murid duduk bersama dengan rakan secara berpasangan atau kumpulan kecil dan saling membantu dalam menyiapkan tugas yang diberi oleh guru (Dufrene et al. 2010). Rakan sebaya pula merupakan individu yang menerima bimbingan daripada guru bertujuan untuk membantu murid lain dalam mengembangkan kemahiran belajar, menilai cara kerja, menyelesaikan masalah pembelajaran serta menggalakkan pembelajaran secara sendiri (Falchikov 2001). Aktiviti ini boleh dilakukan sama ada secara bersemuka atau dalam bentuk kumpulan kecil. Rakan pembaca merupakan rakan sebaya yang terlibat dalam kajian untuk membantu pelaksanaan intervensi.

Sehubungan dengan itu, program intervensi membaca secara berulang bersama rakan pembaca memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan penguasaan murid dan mengurangkan lambakan murid bermasalah pembelajaran yang gagal kuasai kefasihan membaca. Program intervensi ini bersesuaian dengan kanak-kanak kurang upaya, sama ada mempunyai kecacatan semula jadi atau masalah tingkah laku mendapat faedah dari segi akademik menerusi tunjuk ajar rakan sebaya (Fahad AlRaseed 2013).

Murid-murid yang menghadapi masalah menguasai kemahiran membaca, kebiasaannya salah membunyikan huruf yang seakan-akan sama bentuknya, keliru dengan nama huruf yang seakan-akan sama, salah faham menyebut susunan rangkai kata, ayat dan gaya intonasi yang betul (Tamam et al. 2011). Oleh hal yang demikian, murid akan membaca secara merangkak-rangkak atau tidak fasih membaca, seterusnya murid tidak minat untuk membaca dan sukar memberikan tumpuan sewaktu proses membaca. Menurut *National Reading Panel of Amerika* (2000) pula, pembaca yang fasih boleh membaca petikan dengan laju, tepat dan dengan ekspresi yang betul. Kecekapan membaca bergantung pada pengiktirafan perkataan yang telah dibangunkan dengan baik di memori, memberi tumpuan kepada makna perkataan sehingga membawa kepada kefasihan membaca. Secara amnya, kefasihan merupakan komponen penting dalam kemahiran membaca, namun sering

diabaikan di dalam bilik darjah.

Semasa membaca petikan, murid bermasalah pembelajaran lambat untuk mengiktiraf perkataan, tidak memahami makna perkataan dan seterusnya pemahaman terhadap petikan (Bashir & Hook 2009). Hal ini menyebabkan proses membaca boleh menjadi pengalaman yang mengecewakan kepada murid bermasalah pembelajaran sehingga mereka enggan untuk membaca tugas yang diberi. Secara tidak langsung, murid bermasalah pembelajaran hanya meluangkan sedikit masa sahaja untuk membaca berbanding dengan murid yang fasih membaca. Kesannya, murid bermasalah pembelajaran tidak menguasai perbendaharaan kata dengan baik, tidak dapat membangunkan pemahaman terhadap petikan. dan seterusnya akan menyumbang kepada jurang pencapaian akademik (Fuchs et al. 2010).

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kesan pelaksanaan program intervensi membaca secara berulang bersama rakan pembaca terhadap kefasihan membaca murid bermasalah pembelajaran, melihat kefasihan membaca murid bermasalah pembelajaran apabila bantuan rakan pembaca dihapuskan daripada intervensi dan mengenal pasti cabaran dan masalah yang dihadapi oleh rakan pembaca semasa melaksanakan intervensi membaca secara berulang bersama murid bermasalah pembelajaran.

### METODE

Dalam kajian ini, reka bentuk *multiple baseline across subjects, single subject* digunakan untuk mengkaji kesan pelaksanaan program intervensi membaca secara berulang bersama rakan pembaca terhadap bilangan perkataan dan bilangan kesalahan perkataan yang dibaca dalam satu minit. Selain itu, reka bentuk ini merupakan alternatif kepada reka bentuk eksperimen secara berkumpulan. Pendekatan yang digunakan ialah kuantitatif dan kualitatif. Pemilihan subjek dalam kajian ini adalah: 1) murid yang telah didiagnos bermasalah pembelajaran oleh doktor sama ada di sektor kerajaan atau swasta, 2) murid yang menguasai kemahiran asas membaca tetapi kurang fasih, 3) kemahiran membaca Bahasa Melayu telah dijadikan objektif Rancangan Pendidikan Individu (RPI) atas persetujuan ibu bapa subjek sewaktu perbincangan. Rakan pembaca pula terdiri daripada tiga orang murid tingkatan tiga aliran perdana, iaitu dua orang murid lelaki dan seorang murid perempuan. Rakan pembaca telah mengenali subjek kajian dan bersedia untuk membantu subjek kajian. Tabel 1 merujuk kepada maklumat subjek kajian dan rakan pembaca yang terlibat dalam kajian ini.

Instrumen kajian yang digunakan ialah teks bacaan, di mana sumber petikan adalah daripada buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 1, KSSM Pendidikan Khas.

**Tabel 1: Maklumat subjek kajian dan rakan pembaca**

Nama Murid	Jantina	Umur	Kategori	Etnik
Subjek Kajian 1: Muhammad Ikhwan bin Rosli	Lelaki	15 tahun	Murid Bermasalah Pembelajaran.	Melayu
Rakan Pembaca 1: Muhammad Yusuf Firdaus bin Zulkifli	lelaki	15 tahun	Murid Aliran Perdana	Melayu
Subjek Kajian 2: Muhammad Faiz bin Karim	Lelaki	17 tahun	Murid Bermasalah Pembelajaran.	Melayu
Rakan Pembaca 2: Muhammad Iskandar bin Fozhi	lelaki	15 tahun	Murid Aliran Perdana	Melayu
Subjek Kajian 3: Siti Nur Nabila binti Sharudin	Perempuan	15 tahun	Murid Bermasalah Pembelajaran.	Melayu
Rakan Pembaca 3: Junaidah binti Yusof	Perempuan	15 tahun	Murid Aliran Perdana	Melayu

Bahan tambahan lain yang diperlukan oleh rakan pembaca semasa pelaksanaan intervensi dijalankan ialah jam randik, perakam suara, tiga batang pen dengan warna berbeza, teks bacaan dan fail kemajuan bagi setiap subjek kajian. Selain itu, sesi temu bual turut dijalankan oleh pengkaji bersama rakan pembaca untuk mengenal pasti cabaran dan masalah yang dihadapi oleh rakan pembaca semasa melaksanakan intervensi bersama subjek kajian. Data dianalisis melalui perincian visual, di mana prestasi semasa fasa intervensi dibandingkan dengan prestasi fasa *baseline*.

Rakan pembaca terlebih dahulu akan mengikuti latihan selama seminggu sebagai persediaan untuk melaksanakan intervensi membaca secara berulang. Pengkaji bertanggungjawab untuk menerangkan tujuan pelaksanaan intervensi, melakukan demonstrasi, main peranan dan memberi tunjuk ajar tentang langkah-langkah pengajaran yang terlibat semasa pelaksanaan intervensi. Pertemuan bersama subjek kajian diadakan pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat selepas sesi persekolahan bertempat di Pusat Sumber Sekolah, SMK Pedas, Rembau. Lokasi pertemuan yang dipilih bersesuaian kerana tidak mengganggu subjek kajian yang lain menjalankan sesi intervensi dan tidak mengganggu rutin persekolahan murid lain. Sesi pertemuan telah dilakukan sebanyak 15 kali. Setiap pertemuan bermula pada jam 2:00 petang dan dijalankan selama 20 minit untuk setiap subjek kajian.

Prosedur baseline: Pada fasa baseline, guru merekodkan bilangan perkataan yang dibaca dengan betul dan bilangan kesalahan bacaan dalam satu minit. Kesalahan bacaan merangkumi: 1) salah membunyikan perkataan, 2) menggantikan perkataan dengan perkataan yang lain, 3) berhenti lebih daripada tiga saat, 4) melangkau perkataan, dan 5) membunyikan perkataan secara terbalik. Namun, terdapat beberapa perkara berikut tidak dianggap sebagai kesalahan bacaan: 1) kata nama tidak disebut dengan betul lebih daripada satu kali (kesalahan dikira pada kali pertama sahaja), 2) pembedaan bacaan dilakukan dalam tempoh 3 saat, 3) penambahan dan penyisipan perkataan yang tidak terdapat dalam petikan, dan 4) perkataan dibaca menggunakan dialek tempatan. Selain itu, petikan 1 yang mengandungi 125 patah perkataan digunakan semasa fasa baseline. Pengkaji juga telah menetapkan murid yang dapat membaca petikan 1 dalam masa satu minit dengan dua kesalahan bacaan perkataan tidak layak untuk mengikuti program intervensi kerana dianggap fasih membaca. Seramai 6 orang murid terlibat pada fasa baseline yang dijalankan sebanyak tiga sesi. Dalam setiap sesi, murid bermasalah pembelajaran dikehendaki membaca petikan yang sama. Setelah selesai fasa baseline, seramai 3 orang murid terpilih sebagai subjek kajian dan layak untuk mengikuti program intervensi membaca secara berulang bersama rakan pembaca.

Prosedur intervensi: Petikan yang berbeza digunakan semasa pelaksanaan intervensi. Rakan pembaca terlebih dahulu membaca petikan dengan suara yang lantang dan bilangan kesalahan bacaan mestilah tidak melebihi dua perkataan dalam masa satu minit. Subjek kajian diarah untuk mendengar bacaan dengan teliti. Apabila selesai membaca petikan, rakan pembaca akan menerangkan maksud perkataan yang dianggap sukar untuk subjek kajian dan membantu subjek kajian menyebut perkataan yang sukar. Seterusnya, giliran subjek kajian pula untuk membaca petikan. Bilangan perkataan yang dibaca dengan betul dan bilangan kesalahan bacaan dalam satu minit dicatatkan. Apabila selesai, rakan pembaca akan menerangkan kesalahan yang dilakukan, membetulkan sebutan yang salah, kemudian meminta subjek kajian mengulangi menyebut perkataan yang salah sehingga betul dan tepat. Subjek kajian diminta untuk membaca petikan secara berulang sekurang-kurangnya tiga kali dengan bantuan rakan pembaca. Di akhir sesi, subjek kajian diminta untuk membaca petikan yang sama di hadapan guru dengan suara yang lantang, pembacaan direkodkan menggunakan perakam suara dan data bilangan perkataan yang dibaca dengan betul dan bilangan kesalahan bacaan dalam satu minit dikumpulkan.


Prosedur Pengekalan Pada peringkat ini, bantuan rakan sebaya dihapuskan. Subjek kajian akan membaca petikan secara berulang secara sendiri.

**Tabel 2: Ketepatan bacaan perkataan dalam masa satu minit mengikut sesi**

Sesi	Fasa baseline			Fasa intervensi						Fasa pengekaln					
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Ikhwan	55	60	58	65	69	70	68	75	75	80	83	89	80	81	85
Nabila	42	42	49	50	49	53	55	54	60	60	63	63	52	53	52
Faiz	69	60	63	69	73	75	75	78	75	80	81	83	78	79	78

**Tabel 3: Bilangan kesalahan bacaan dalam masa satu minit mengikut sesi**

Sesi	Fasa baseline			Fasa intervensi						Fasa pengekaln					
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Ikhwan	5	4	4	4	3	2	2	3	1	1	2	2	1	0	1
Nabila	8	8	7	6	6	6	5	6	4	4	3	2	4	3	3
Faiz	6	5	5	5	4	4	3	2	2	3	1	1	2	1	1


**Grafik 1: Ketepatan bacaan perkataan dalam masa satu minit mengikut sesi**

## HASIL DAN PEMBAHASAN

### Hasil

Kefasihan membaca diukur dengan mengira ketepatan bacaan perkataan dalam masa satu minit (words correct per minute (WCPM)). Selain itu, pemerhatian dibuat terhadap ungkapan perkataan yang disebut dengan jelas, lancar dan berkadar (Bos & Vaughn 2002). Tabel 2 menunjukkan data mentah yang diperoleh daripada subjek kajian setelah mengikuti program intervensi membaca secara berulang. Seterusnya data dipersembahkan menggunakan graf garis. Grafik 1 pula menunjukkan perbandingan ketepatan bacaan perkataan yang diperoleh oleh ketiga-tiga subjek kajian. Data baseline menunjukkan tiada perubahan yang berlaku. Hal ini terjadi kerana ketiga-tiga subjek hanya membaca petikan sekali sahaja apabila data diambil.

Keadaan berubah apabila memasuki peringkat intervensi membaca secara berulang bersama rakan pembaca kerana bantuan telah diberikan oleh rakan pembaca dan subjek kajian perlu membaca petikan yang sama sekurang-kurangnya tiga kali

**Grafik 2: Bilangan kesalahan dalam masa satu minit mengikut sesi**

bersama rakan pembaca. Kesalahan bacaan yang dilakukan oleh subjek kajian semasa intervensi. Hal ini menyebabkan bilangan perkataan yang dibaca dengan betul semakin meningkat pada fasa intervensi berbanding dengan fasa baseline bagi ketiga-tiga subjek.

Antara ketiga-tiga subjek, bilangan perkataan yang dibaca dengan betul oleh Nabila dalam masa satu minit merupakan yang paling sedikit berbanding subjek yang lain kerana beliau mengalami masalah pertuturan. Namun, semasa fasa intervensi rakan pembaca berusaha membantu beliau menyebut perkataan dengan betul dan tepat.

Pengulangan sebutan juga dilakukan. Semasa fasa pengekaln, bilangan perkataan yang dibaca dengan betul dalam masa satu minit menunjukkan penurunan sedikit berbanding fasa intervensi kerana bantuan rakan pembaca telah dihapuskan. Ketiga-tiga subjek perlu berusaha sendiri untuk membaca perkataan yang sukar dan memahami makna perkataan yang sukar menyebabkan penurunan bacaan berlaku semasa peringkat pengekaln. Walaupun begitu, data pengekaln menunjukkan peningkatan berbanding

fasa baseline bagi ketiga-tiga subjek kajian

Berdasarkan Tabel 3, data mentah pada fasa baseline menunjukkan kesalahan bacaan tinggi bagi ketiga-tiga subjek. Setelah melalui fasa intervensi membaca secara berulang bersama rakan pembaca, kesalahan bacaan semakin menurun. Rakan pembaca bertanggungjawab membantu subjek kajian menyebut perkataan yang sukar dengan betul dan tepat secara berulang-ulang. Rakan pembaca juga akan membetulkan setiap kesalahan bacaan yang dilakukan oleh subjek kajian. Pada fasa pengekal, kesalahan bacaan semakin berkurang berbanding fasa baseline. Kesalahan bacaan yang dilakukan semakin berkurang apabila pengulangan berlaku.

Semasa fasa baseline, bilangan kesalahan bacaan yang dilakukan oleh Nabila pada sesi 1 merupakan kesalahan yang paling tinggi iaitu lapan kesalahan dalam masa satu minit. Namun keadaan berubah semasa fasa intervensi membaca secara berulang bersama rakan pembaca, bilangan kesalahan semakin menurun bagi ketiga-tiga subjek kajian. Pada fasa pengekal, bilangan kesalahan bacaan kurang stabil tetapi masih menunjukkan bilangan kesalahan bacaan yang sedikit berbanding fasa baseline. Hal ini berlaku kerana murid masih mengekalkan proses membaca secara berulang walaupun bantuan rakan pembaca telah dihapuskan. Ikhwan menunjukkan perubahan yang positif apabila tiada kesalahan bacaan dilakukan pada sesi ke 14.

Hasil temu bual bersama rakan pembaca mendapati terdapat beberapa cabaran dan masalah yang dihadapi oleh rakan pembaca semasa melaksanakan intervensi membaca secara berulang bersama subjek kajian. Hubungan yang baik dengan rakan pembaca dapat mempengaruhi pencapaian murid dalam pelbagai aspek terutamanya peningkatan pencapaian akademik, tingkah laku yang positif, interaksi sosial dan penglibatan murid dalam sesi pembelajaran (Jones & Jones 2007). Antara cabaran dan masalah yang dihadapi oleh rakan pembaca ialah komunikasi. Nabila mengalami masalah pertuturan menyebabkan beliau kurang berkomunikasi dengan rakan pembaca dan malu untuk bergaul, bertanya walaupun rakan pembaca merupakan jiran beliau. Menurut Topping (2001a), pembelajaran rakan sebaya memerlukan kemahiran komunikasi yang tinggi untuk kedua-dua yang membantu dan yang dibantu. Maka dalam proses ini berlaku, mereka akan membina komunikasi tersebut. Selain itu, ketiga-tiga subjek kajian menghadapi masalah keyakinan diri yang rendah. Mereka kurang yakin untuk menyebut perkataan yang telah dipelajari, takut melakukan kesalahan bacaan, malu untuk bertanya dan membaca dengan suara yang perlahan apabila bersama rakan pembaca. Namun, daripada minggu ke minggu, perubahan positif ketiga-tiga subjek kajian dapat dilihat secara perlahan-lahan.

## Pembahasan

Hasil kajian yang diperoleh, pengkaji mendapati intervensi membaca secara berulang bersama rakan pembaca dapat meningkatkan ketepatan dan mengurangkan bilangan kesalahan bacaan murid bermasalah pembelajaran. Rakan pembaca memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan kefasihan membaca murid bermasalah pembelajaran. Alber-Morgan, S. R. et al. (2007) menyatakan corak peningkatan kefasihan membaca akan berubah apabila terdapat perubahan dalam strategi pengajaran. Hal ini tidak dapat dinafikan apabila data yang diperoleh menunjukkan ketiga-tiga subjek kajian menunjukkan peningkatan apabila dibantu oleh rakan pembaca. Kajian yang dijalankan oleh Lingo (2014) menunjukkan bahawa prestasi murid bermasalah pembelajaran yang mempunyai masalah membaca adalah lebih baik apabila dibantu oleh rakan pembaca yang lebih dewasa daripada mereka. Namun begitu, kejayaan penggunaan strategi rakan pembaca tidak dinilai daripada perbezaan umur tetapi daripada pelbagai segi seperti kemahiran mengajar dan kemahiran komunikasi tutor serta kemahiran tutee untuk belajar (Bobroff & Sax 2010).

Membaca secara berulang membantu murid bermasalah pembelajaran untuk mengiktiraf perkataan secara automatik. Jiyeon Lee dan So Yoon Yoon (2015) dalam kajian mereka mendapati bahawa selepas mengulangi proses membaca beberapa kali, murid akan dapat mengiktiraf perkataan secara automatik dan menghubungkan bacaan perkataan kepada makna perkataan dalam petikan. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Escarpio, R. dan Barbetta, P. M. (2016) mendapati bahawa terdapat perbezaan bilangan kesalahan bacaan terhadap murid yang mengikuti intervensi membaca secara berulang berbanding murid yang tidak membaca secara berulang kerana mereka mengiktiraf perkataan melalui pengulangan bacaan.

## KESIMPULAN DAN SARAN

### Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian dan analisis data yang dijelaskan sebelumnya, maka pengkaji menyimpulkan terdapat kesan penggunaan strategi pembelajaran membaca secara berulang bersama rakan pembaca terhadap kefasihan membaca murid bermasalah pembelajaran. Bantuan daripada rakan pembaca dapat meningkatkan ketepatan bacaan dan mengurangkan kesalahan semasa membaca petikan.

Secara keseluruhannya, kefasihan merupakan elemen yang perlu diberi perhatian dalam kemahiran asas membaca dan intervensi awal perlu dijalankan seawal yang mungkin. Kaedah membaca melibatkan strategi pengulangan dan bantuan rakan pembaca serta kerjasama yang diberikan oleh murid bermasalah pembelajaran itu sendiri dapat membantu meningkatkan

kefasihan membaca murid bermasalah pembelajaran. Oleh itu, strategi pembelajaran membaca secara berulang bersama rakan pembaca ini berpotensi digunakan untuk mengajar murid bermasalah pembelajaran di negara ini dalam meningkatkan kemahiran membaca.

### Saran

Hasil analisis dan kesimpulan kajian, pengkaji memberi beberapa cadangan berikut: (1) intervensi awal perlu dijalankan seawal yang mungkin untuk murid berkeperluan khas kerana kebanyakan masalah membaca dapat dielakkan atau dikurangkan melalui intervensi awal. Penguasaan kemahiran membaca adalah lebih baik jika diajar diusia kanak-kanak berbanding remaja dan dewasa. (2) Tempoh pelaksanaan latihan untuk rakan pembaca perlu ditambah supaya rakan pembaca lebih bersedia, yakin untuk membantu melaksanakan intervensi dan bersedia menerima kelemahan murid bermasalah pembelajaran. Diharapkan kajian berkenaan kemahiran membaca dalam kalangan murid bermasalah pembelajaran dapat dipertingkatkan.

## DAFTAR RUJUKAN

- Abdul Rasid A.J., (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1) : 1-11.
- Alber-Morgan, S. R. et al. (2007). Effects of repeated readings, error correction, and performance feedback on the fluency and comprehension of middle school students with behavior problems. *Journal of Special Education*, 41 (1) : 17-30.
- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. New York: General Learning Press.
- Bashir, A & Hook, P. E. (2009). Fluency: A key link between word identification and comprehension. *Language Speech and Hearing Services in Schools*, 40: 196-200.
- Bobroff, S. & Sax, C. (2010). The effects of peer tutoring interview skills training with transition age youth with disabilities. *Journal of Vocational Rehabilitation*, 33 (3) : 143-157.
- Bos, C.S & Vaughn, S. (2002). *Strategies for teaching students with learning and behavior problems*. Boston: Ally and Bacon.
- Chua Y. P. (2012). *Kaedah Penyelidikan Edisi Kedua*. Malaysia: McGraw Hill Malaysia Sdn. Bhd
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison K. (2000). *Research Methods in Education (5th Edition)*. London: Routledge Falmer.
- Cowie, H. & Wallace, P. (2000). *Peer support in action*. London: SAGA Publication.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research (4th ed.)*. Boston, MA: Pearson.
- Dufrene, B. A. (2010). Peer tutoring for reading fluency as a feasible and effective alternative in response to intervention systems. *Journal of Behavioral Education*, 19 (3) : 239-256.
- Escarpio, R. dan Barbetta, P. M. (2016). Comparison of repeated and non-repeated readings on the reading performances of students with emotional and behavioral disorders. *Journal of Emotional and Behavioral Disorders*, 24 (2) : 111-124.
- Fahad AlRaseed. (2013). *Effect of peer tutoring interventions for children with autism spectrum disorders : A meta-synthesis*. Texas A & M University.
- Friend, M & Bursuck, W. (1996). *Including students with special needs*. Boston: Allyn and Bacon.
- Fuchs, L. S., Fuchs, D., & Compton, D. L. (2010). Rethinking response to intervention at middle and high school. *School Psychology Review*, 39(1) : 22-28.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2000). *Psikologi kanak-kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jiyeon L. dan So y. Y. (2015). The effects of repeated reading on reading fluency for students with reading disabilities: A Meta-Analysis. *Journal of Learning Disabilities*, 50 (2) : 1-12
- Johns, B. H & Lerner, J. W. (2015). *Learning Disabilities and Related Disabilities*: Stamford City: Cengage Learning.
- K.A Razhiyah. (2008). *Menjadi guru pendidikan khas*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Lingo, A. S. (2014). Tutoring middle school students with disabilities by high school students: effects on oral reading fluency. *Education And Treatment Of Children*, 37 (1) : 53-75.
- Mahaslina & Anuar A. (2015). *Kualiti hubungan sosial dengan rakan sebaya dan hubungannya dengan gaya kepimpinan pelajar sekolah menengah*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Sam et al. (2013). *Murid dan alam belajar*. Selangor : Penerbitan Multimedia.
- National Reading Panel. (2000). Fluency. U.S. Department of Health and Human Service.
- Nathern S. A. O. & Liz S. 2010. The effects of peer tutoring on academic performance of students with disabilities in grades 6 through 12: A synthesis of the literature. *Remedial and Special Education*, 31(6), 450- 463.
- Noraini Idris. 2013. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia: McGraw Hill Malaysia Sdn. Bhd

- Samuels, S. J. (1979). The method of repeated reading. *The Reading Teacher*, 32 (4) : 403-408.
- Tamam T., Zamri M. & Afendi H., (2011). Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1 (1) : 89-107.
- Topping, K & Ehly, S. (1998). *Peer-assisted learning*. New Jersey : Lawrence Erlbaum.
- Warta Kerajaan. (1997). *Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Zamri M. (2012). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.